

PROTECTING THE WELFARE OF THE FAMILY INSTITUTION FROM DOMESTIC VIOLENCE ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF MAQASID SHARIAH AND ITS RELATIONSHIP WITH THE DECLARATION OF UNIVERSAL HUMAN RIGHTS

MENJAGA KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA DARIPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Norfazila Joniⁱ, Faezy Adenanⁱⁱ, Shofiyyah Moidinⁱⁱⁱ, Norazlina Mamat^{iv}, Muhamad Hasif Yahaya^v,
Zainur Nadiyah Baharuddin^{vi} & Mohd Yusra Abdullah^{vii}

- ⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. norfazilabtjoni@gmail.com
- ⁱⁱ (*Corresponding Author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. shofiyyah@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. norazlinamamat@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. hasifyahaya@uitm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. zainadia90@uitm.edu.my
- ^{vii} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. yusra@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The well-being of family institutions is the most important thing in Islamic society. It is certified in the Declaration of Universal Human Rights (HAM). With the existence of well-being in family institutions, a culture that practices moral and humanitarian values can be formed. According to the Department of Social Welfare (JKM), there has been an increase in cases involving domestic violence (DV), which has recorded an extraordinary rise in 2020. This is contrary to Islamic teachings, which suggest that everyone in a family institution understands their roles and responsibilities to give birth to a harmonious family relationship. Therefore, the objective of this study is to evaluate the relationship between the well-being of family institutions and Maqasid Shariah. In line with Maqasid Shariah, domestic violence must be studied from various angles to achieve the well-being of family institutions. The methodology used is the library method and interviews using textual and contextual analysis methods, taking into account the five components of Maqasid Shariah in the context of maintaining the well-being of family institutions. Indeed, the results obtained show that taking care of the well-being of family institutions has a very significant relationship with maqasid sharia. Protecting the institution of the family from domestic violence is a daruriyyat necessity in the preservation of the five main components of maqasid sharia that have a direct relationship with human rights, according to the UN. This study is important so that it can be a general guide about caring for the well-being of family institutions, according to Maqasid Shariah.</i></p> <p><i>Keywords: Welfare, Family Institution, Domestic Violence, Maqasid Syariah, Human Rights</i></p>
-----------------	--

<p>Abstrak</p>	<p><i>Kesejahteraan institusi kekeluargaan merupakan perkara yang terpenting dalam masyarakat Islam dan diperakui dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (HAM). Dengan wujudnya kesejahteraan dalam institusi kekeluargaan, maka sebuah masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai moral dan kemanusiaan dapat dibentuk. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat peningkatan kes dalam isu membabitkan Keganasan Rumah Tangga (KRT) yang telah merekodkan peningkatan luar biasa pada tahun 2020. Perkara ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang menyarankan agar setiap orang dalam sesebuah institusi keluarga memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk melahirkan sebuah hubungan kekeluargaan yang harmoni. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai hubungan di antara penjagaan kesejahteraan institusi kekeluargaan dengan maqasid syariah. Seajar dengan maqasid syariah, keganasan rumah tangga mestilah dikaji daripada pelbagai aspek untuk mencapai kesejahteraan institusi kekeluargaan. Metodologi yang digunakan adalah kaedah perpustakaan dan temu bual dengan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kontekstual mengambil kira lima komponen maqasid syariah dalam konteks menjaga kesejahteraan institusi kekeluargaan. Justeru, hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa menjaga kesejahteraan institusi kekeluargaan memiliki hubungan yang sangat signifikan dengan maqasid syariah. Menjaga institusi keluarga daripada keganasan rumah tangga merupakan suatu keperluan daruriyyat dalam pemeliharaan lima komponen utama maqasid syariah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan HAM oleh PBB. Kajian ini adalah penting agar boleh menjadi panduan secara umum tentang penjagaan kesejahteraan institusi kekeluargaan menurut maqasid syariah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kesejahteraan, Institusi Kekeluargaan, Keganasan Rumah Tangga, Maqasid Syariah, Hak Asasi Manusia.</i></p>
-----------------------	---

PENDAHULUAN

Institusi kekeluargaan adalah unit yang terkecil dalam masyarakat yang memainkan peranan besar dalam pembangunan masyarakat di Malaysia. Kesejahteraan institusi kekeluargaan merupakan sebuah aspek penting dalam pembinaan keluarga Islam yang kukuh dengan implimentasi prinsip maqasid syariah sepertimana telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini telah dijelaskan menerusi beberapa surah dalam al-Quran seperti Surah al-Nur, al-Baqarah, Ali Imran, al-Talaq dan al-Nisa' yang menyentuh aspek pembinaan keluarga Islam. Secara umumnya, beberapa elemen utama dalam kesejahteraan keluarga dilihat wujud dalam kitab-kitab hadis secara tidak langsung. Justeru, ia boleh diperhatikan menerusi pengkategorian hadis dalam kitab-kitab hadis yang utama seperti al-Muwatta, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Riyad al-Salihin dan lain-lain (Wan Mohd Yusuf et al., 2018).

Ibn 'Asyur (2014) dalam Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah juga menggariskan tiga kaedah mengenal maqasid iaitu melalui *istiqra'*, dalil al-Quran yang jelas dan Sunnah yang mutawatir. Pelbagai aspek dari sudut maqasid syariah yang perlu dinilai untuk mencapai kesejahteraan keluarga. Menurut Zaharah Hussin et al. (2017), keluarga merupakan sebuah institusi kecil yang diiktiraf berasaskan perkahwinan, perhubungan keturunan, dan mereka hidup sejahtera secara bersama. Menurut Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali (2021) pula, bapa adalah ketua dalam keluarga dan rumahtangga yang sepatutnya bertanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada anak-anak dan isteri dalam keluarga. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis apakah hubungan prinsip maqasid syariah dan penjagaan kesejahteraan keluarga daripada keganasan rumah tangga khususnya terhadap isteri. Seterusnya penulis akan

memperincikan kajian ini lagi dengan menganalisis kaitan antara HAM Sejahtera dan prinsip maqasid syariah.

Institusi kekeluargaan di Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan ahli keluarga. Isu berkaitan keharmonian rumah tangga, keseimbangan antara kerja dan keluarga, pengurusan ekonomi keluarga, keadaan kesihatan ahli keluarga, tahap keselamatan keluarga, perhubungan keluarga dan komuniti, amalan kerohanian keluarga, persekitaran yang tenteram untuk keluarga serta pengaruh teknologi kepada keluarga sering menjadi faktor yang mempengaruhi kesejahteraan sesebuah keluarga (LPKNN, 2019). Menurut syariat Islam pula, pelaksanaan prinsip maqasid syariah akan mempengaruhi tingkat kesejahteraan institusi kekeluargaan. Maqasid syariah menurut 'Alal al-Fasi (2013) ialah objektif daripadanya, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh syara' dalam setiap hukum daripada hukum-hakamnya. Istilah maqasid *syari'*, maqasid *al-syari'ah* dan maqasid *al-syar'iyah* ialah istilah yang sinonim (al-Raisuni, 1995).

Mutakhir ini, negara Malaysia seringkali dikejutkan dengan pelbagai berita yang membimbangkan berkaitan dengan keganasan yang berlaku dalam rumahtangga, keganasan terhadap pasangan suami isteri, kanak-kanak malahan terhadap warga tua (Nadiyah et al., 2021). Jika isu sosial ini tidak diberikan perhatian, keruntuhan institusi kemasyarakatan akan berlaku sekaligus pihak berkuasa akan dianggap gagal melindungi rakyat. Pihak yang bertanggungjawab sepatutnya mengambil tindakan dalam usaha menghalang dan menyekat perkara ini daripada terus menjadi norma dalam masyarakat di Malaysia. Menurut JKM, KRT yang melibatkan kecederaan fizikal adalah sebanyak 406 kes pada tahun 2020. Walaupun terdapat juga segelintir kes melibatkan KRT terhadap suami, namun bilangan kes tersebut sangat sedikit jika dibandingkan KRT terhadap isteri. Majoriti kes adalah melibatkan isteri sebagai mangsa disebabkan oleh sifat semulajadi perempuan itu sendiri yang lemah lembut.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur kajian ini akan dibahagikan mengikut tema-tema tertentu. Antaranya ialah konsep kesejahteraan keluarga, konsep KRT, maqasid syariah dalam institusi keluarga, hubungan KRT dengan maqasid syariah.

Konsep Kesejahteraan Keluarga

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2019), konsep kesejahteraan keluarga dirujuk sebagai suatu keadaan keluarga di sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Selain itu, Wan Mohd Yusof et al. (2018) juga membahaskan mengenai kesejahteraan keluarga dalam artikel 'Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah'. Hadis-hadis al-Sa'adah menyebutkan tentang kebahagiaan, kesejahteraan dan kesejahteraan hidup di dunia yang mana terdiri daripada aspek-aspek fizikal dan mental seperti wanita solehah, rumah yang lapang, tanggungan yang baik, dan jiran yang baik. Seterusnya Wan Mohd Yusof et al. (2018) meneruskan perbincangan mengenai konsep kesejahteraan keluarga dalam artikelnya 'Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6'. Menurut artikel ini, terdapat lapan elemen utama dalam proses dalam meraih kesejahteraan dalam keluarga berdasarkan ayat ke-6 surah al-Tahrim iaitu elemen pencegahan dosa dan pelaksanaan tanggungjawab, elemen keimanan, elemen kebersamaan, elemen peraturan dan hukuman, elemen kelestarian, elemen persekitaran serta elemen taubat dan kerahsiaan.

Selain itu, Ahmad Hariri (2021) dalam 'Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif' menyatakan bahawa agak sukar untuk menentukan maksud kebahagiaan atau kesejahteraan yang sebenarnya, kerana ia adalah suatu yang subjektif, dan ia bergantung kepada individu berkenaan. Namun, dengan adanya kekayaan hati, jiwa dan minda, keluarga tersebut akan menjadi lebih kukuh, sayang menyayangi, akrab, sentiasa mendorong untuk mencapai kejayaan antara satu sama lain, gembira melihat ahli keluarga yang lain berjaya, lebih produktif, yakin, gembira dan sering menjadi sumber

kebahagiaan kepada ahli keluarga yang lain. Mohamad Nawawy (2018) dalam 'Kesejahteraan Keluarga dan Pola Komunikasi dalam Keluarga' pula menyatakan konsep kesejahteraan keluarga dikatakan terbentuk apabila sesuatu keadaan yang harmonis dan dipenuhi keperluan jasmani dan sosial bagi anggota keluarga tanpa mengalami rintangan-rintangan yang serius.

Konsep KRT

Nadiah Mohamed Daud (2021) dalam artikel 'Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur' menyatakan bahawa KRT merupakan setiap perbuatan zalim yang menyalahi HAM seperti mengugut, memukul dan sebagainya yang dilakukan ke atas ahli keluarga iaitu suami isteri, anak-anak atau ibu bapa. Menurut Natasya Dandavati (2017) dalam 'Perspektif Mengenai KRT' menjelaskan bahawa KRT adalah penggunaan tingkah laku yang menakutkan, manipulatif, atau memaksa oleh satu pasangan dengan tujuan untuk meraih atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas pasangan intimnya. Seterusnya, Victor Isaacs (2019) dalam 'Hubungan antara Penagihan Dadah dengan KRT' turut membahaskan KRT boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu; fizikal, seksual, psikologi, ekonomi serta kekerasan terhadap emosi dan identiti.

Menurut Nurul Hasna (2017) dalam 'Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga: Kajian Di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia', keganasan seksual merupakan salah satu elemen dari KRT. Keganasan ini merupakan penggunaan kekerasan oleh suami terhadap isterinya untuk melakukan hubungan seksual dan ini adalah suatu perkara yang tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Muhammad Nur Ali (2018) pula menyatakan dalam 'Analisis Tindakan Keganasan Suami Terhadap Isteri Dalam Rumah Tangga Di Bandar Palu', KRT ialah sikap atau tindakan yang mengakibatkan ketakutan, hilang keyakinan, hilang keupayaan untuk bertindak, perasaan tidak berdaya, dan atau mengalami gangguan psikologi yang teruk atau penyakit mental kepada seseorang.

Maqasid Syariah Dalam Institusi Keluarga

Awang Nib Zuhairi (2021) dalam 'Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal' mendapati bahawa pembinaan dasar kesejahteraan keluarga berteraskan lima prinsip maqasid syariah dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak boleh dirumuskan menerusi sembilan belas elemen utama. Teras prinsip pertama (menjaga agama) merumuskan elemen akidah, keimanan, memupuk keharmonian, saling hormat menghormati dan amar makruf nahi mungkar. Teras prinsip kedua (menjaga nyawa) merumuskan elemen pencegahan kezaliman sama ada kepada diri sendiri atau orang lain, kasih sayang dan bersyukur dengan anugerah kehidupan. Teras prinsip ketiga (menjaga akal) merumuskan elemen pencegahan daripada perkara yang memudaratkan akal, kelestarian akal dan hubungan dengan persekitaran. Teras prinsip keempat (menjaga keturunan) merumuskan elemen kewajipan perkahwinan, pendidikan, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Tuhan (ibadah). Teras prinsip kelima (menjaga harta) merumuskan elemen pengurusan kewangan yang merangkumi pendapatan dan perbelanjaan, kebajikan, kewajipan menunaikan zakat dan melakukan amal jariah seperti sedekah, derma dan wakaf.

Wan Nor Adibah et al. (2021) dalam 'Perspektif Maqasid syariah Dalam Memelihara Institusi Keluarga' membincangkan maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga berfokus kepada prinsip memelihara keturunan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga perspektif penting dalam memahami maqasid syarak dalam memelihara al-Nasl (keturunan), perspektif maqasid dalam memelihara institusi keluarga bertujuan memelihara kesinambungan manusia, kestabilan keluarga dan kualiti kesolehan keturunan dalam memastikan pemeliharaan institusi keluarga. Memelihara kesinambungan keturunan bermaksud memastikan kewujudan generasi manusia secara berterusan dalam masyarakat dengan kelahiran yang cukup untuk menggantikan generasi yang lalu dengan bilangan yang telah hilang. Dalam hal ini juga, jelas wujudnya hubungan maqasid

memelihara keturunan dalam institusi keluarga dengan pembinaan insan dan ummah yang cemerlang. Namun begitu, kedua-dua penulis di atas hanya membincangkan maqasid syariah dalam keluarga secara umum dan tidak memperincikan isu-isu bagaimana kesejahteraan keluarga tidak boleh dicapai. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan yang ada dengan mengemukakan isu KRT.

Hubungan KRT dan Maqasid Syariah

Ahmad et al. (2022) dalam 'Masalah Keganasan Rumah Tangga Dan Penyelesaiannya Dalam Pandangan Maqasid syariah' menjelaskan punca dan dorongan yang membawa kepada kewujudan masalah ini serta bagaimana untuk menyelesaikannya dari perspektif maqasid syariah. Krisis ekonomi dalam keluarga dan kesukaran hidup yang dihadapi keluarga sering membawa kepada kemunculan pertikaian yang mendorong kepada pergolakan psikologi dan mental dalam kalangan ahli keluarga, dan berkemungkinan memusnahkan mereka. Namun begitu, penulis hanya berfokus kepada beberapa isu dalam rumah tangga dengan menyatakan jalan penyelesaiannya. Terdapat beberapa kelompongan yang boleh dikembangkan lagi melalui penulisan baru. Oleh sebab itu, kajian baru akan dijalankan untuk menganalisis kaitan prinsip maqasid syariah tidak dipenuhi menyebabkan sebuah keluarga yang sejahtera tidak dapat dibentuk serta kaitannya dengan HAM.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk kualitatif dengan mengumpul dan menganalisis data. Penulis telah mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Manakala untuk menganalisis data pula, penulis menggunakan kaedah tekstual dan kontekstual. Untuk mendapatkan maklumat dan data kajian, penulis telah meneliti nas-nas al-Quran dan hadis serta bahan-bahan primer seperti kitab-kitab asal dan bahan sekunder seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal dan laporan tesis. Penulis juga merujuk kajian-kajian lepas serta artikel-artikel ilmiah berkaitan yang telah dijalankan oleh penulis-penulis terdahulu.

DAPATAN KAJIAN

Lima prinsip maqasid syariah yang merupakan keperluan asas yang menjadi tunjang utama untuk membentuk kesejahteraan keluarga perlu dilaksanakan dengan segera. Hal ini adalah sejajar dengan HAM Sejagat yang diisytiharkan oleh PBB untuk menjaga kesejahteraan institusi kekeluargaan. Penulis telah menganalisis dengan terperinci mengenai penjagaan kesejahteraan institusi kekeluargaan daripada KRT (KRT) menurut perspektif maqasid syariah serta hubungannya dengan HAM sejagat. Penulis membahagikan dapatan kajian kepada dua bahagian. Pertama, analisis menjaga kesejahteraan kekeluargaan dan hubungannya dengan maqasid syariah. Kedua, analisis hubungan maqasid syariah dan deklarasi HAM sejagat.

Analisis Menjaga Kesejahteraan Keluarga Daripada KRT Dan Hubungannya Dengan Maqasid syariah

Prinsip penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) merupakan prinsip utama maqasid syariah untuk membina kesejahteraan dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Kedudukan penjagaan nyawa dalam prinsip maqasid syariah berada pada kedudukan pertama sebelum penjagaan agama walaupun terdapat banyak perselisihan pendapat mengenainya. Perbezaan pendapat bukanlah sesuatu yang salah kerana maqasid syariah itu sendiri bersifat kontemporari. Sehubungan dengan itu, KRT akan menghalang proses mencapai kesejahteraan dalam institusi keluarga. Islam sangat menentang perbuatan yang berbentuk penganiayaan. Hal ini termasuklah sesuatu yang boleh mengancam nyawa sama ada membunuh diri sendiri, membunuh orang lain, mencederakan diri sendiri, mencederakan orang lain ataupun melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan nyawa seperti pengambilan dadah. Syariat Islam telah menetapkan hukuman qisas, diyat atau kafarah ke atas orang yang membunuh. Hal ini menunjukkan, syariat Islam sangat mengambil serius

penjagaan nyawa dalam sesebuah institusi kekeluargaan dalam usaha untuk mencegah sebarang bentuk kezaliman keatas diri sendiri atau orang lain.

Menurut Hanani Arief dan Rohani Rahim (2015), KRT terhadap isteri terdiri daripada kekerasan terhadap fizikal (seperti mencubit, menggoncang, memukul bahkan menggigit), kekerasan seksual (seperti memaksa melakukan hubungan intim dengan memukul), kekerasan psikologi (mewujudkan ketakutan dan mengasingkan mangsa daripada kenalan rapat), kekerasan emosi (kritikan yang menjatuhkan air muka mangsa atau mengaibkan sehingga merosakkan hubungan mangsa dengan anak-anak), kekerasan ekonomi (seperti memanipulasi kewangan mangsa untuk kepentingan pelaku). Menurut Pengarah Latihan Pembangunan Masyarakat Yayasan Pendidikan Hidayah - Adnan Omar, proses pemulihan daripada fasa pandemik Covid-19 jelas memberikan tekanan kepada sesetengah masyarakat terutama mereka yang mempunyai masalah kewangan, ia kemudian dilepaskan kepada ahli keluarga lebih-lebih lagi kepada isteri dalam bentuk keganasan fizikal, emosi dan secara lisan (Harian Metro, 2022). Oleh hal yang demikian, KRT seperti mencederakan fizikal isteri dan mendera mental menyebabkan maqasid syariah dari sudut penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) tidak dapat dilaksanakan.

KRT akan memberi kesan yang besar kepada penjagaan agama (*hifz al-din*) dalam maqasid syariah. Apabila KRT dianggap sebagai satu kebiasaan dan norma dalam kehidupan berkeluarga maka agama Islam akan dianggap gagal melindungi wanita sesebuah institusi kekeluargaan. Walhal, agama Islam merupakan agama yang mengangkat martabat seorang Wanita setinggi-tingginya. Menurut Imam al-Ghazali dalam etika perkahwinan, selain nafkah zahir, isteri layak diberikan penghormatan, diperlakukan dengan adil dan toleransi mengikut kesesuaian akal dan perasaan, diuruskan kehendak, naluri, kelemahan akal dan keburukan sikap mereka melalui diplomasi, kelembutan serta ketegasan untuk menjaga kepimpinan lelaki ke atas wanita, diberikan hak wanita dalam hubungan intim dan kesaksamaan dalam urusan poligami (Najla & Ibnor, 2023). Agama islam yang syumul meliputi segala aspek kehidupan amat menitikberatkan hak-hak individu, memupuk keharmonian, saling hormat menghormati dan amar makruf nahi mungkar dalam sesebuah institusi kekeluargaan mahupun masyarakat. Dari sudut perundangan juga, wanita diberikan kekuasaan untuk menuntut pembubaran perkahwinan seperti *khuluk*, *lian takliq* dan *fasakh* yang menjadi bukti bahawa Islam sangat meninggikan martabat Wanita. Prinsip menjaga imej Islam daripada tanggapan buruk adalah sebahagian daripada tuntutan penjagaan agama. Oleh itu, adalah menjadi satu persoalan yang sangat signifikan untuk kita renungi apabila banyak kes-kes KRT yang menjadi kontroversi dilakukukan oleh umat Islam sendiri.

Timbalan Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat - Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff dalam Astro Awani berkata walaupun statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan di Sabah, beliau yakin kerjasama padu semua pihak dapat menangani kes tersebut selain pelaksanaan pelbagai inisiatif oleh kementerian seperti Skuad Wanita Anti Jenayah (Skuad Waja) (Astro Awani, 2023). Hal ini bukan sahaja menimbulkan persepsi buruk pada institusi keluarga sahaja malahan memburukkan imej Islam itu sendiri. KRT menjadi sebab kesejahteraan institusi kekeluargaan tidak dapat dicapai seterusnya penjagaan agama tidak dapat dilaksanakan.

Prinsip maqasid syariah menjaga keturunan (*hifz al-nasl*) juga akan terjejas seterusnya tidak dapat dilaksanakan kerana menerima kesan akibat daripada KRT. Islam mensyariatkan umatnya untuk berkahwin sebagai cara untuk memelihara maruah. Hal ini adalah untuk mengelakkan berlakunya gejala sosial yang membimbangkan pada masa kini seperti seks bebas, pergaulan bebas, penzinaan, bersekedudukan tanpa nikah dan kelahiran anak tak sah taraf. Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi negeri - Satiful Bahri Mamat berkata, sebanyak 1,395 kes jenayah syariah direkodkan di Terengganu dalam tempoh dua tahun bermula 2020 (Harian Metro, 2022). Walaupun tujuan perkahwinan adalah untuk membina keluarga bahagia, namun statistik Polis Diraja Malaysia membuktikan isu suami dera isteri tidak boleh dipandang ringan apabila sebanyak 30,346 kes KRT direkodkan bagi tempoh lima tahun sejak 2018.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman - Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, antara punca kejadian adalah masalah kewangan, terlibat dalam penyalahgunaan dadah, tekanan perasaan dan cemburu. Kes-kes KRT yang menzalimi para isteri yang kian meningkat akan memberikan persepsi negatif kepada pembinaan institusi kekeluargaan. Hal ini sudah pasti akan menjejaskan institusi kemasyarakatan sekiranya KRT terus berlaku sehingga masyarakat khususnya wanita takut untuk mendirikan rumah tangga seterusnya tidak lagi memiliki keinginan untuk berkahwin. Bagi menyokong prinsip menjaga keturunan agar berhasil membentuk kesejahteraan keluarga maka kewajipan perkahwinan perlulah dicerakinkan oleh setiap individu dalam masyarakat majmuk bagi mengelak pengabaian terhadap tanggungjawab serta perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai moral serta akhlak (Awang Nib Zuhairi et al., 2021). Menurut az-Zuhayli (2011), suami juga mestilah berupaya untuk memberikan perlindungan kepada isteri daripada segala bentuk penganiayaan dan penghinaan.

Manusia merupakan makhluk yang sangat istimewa kerana dianugerahkan akal fikiran yang mampu membezakan baik buruk sesuatu perkara. Penjagaan akal (*hifz 'aql*) menjadi tanggungjawab setiap ahli keluarga seperti menjaga minda daripada perkara yang dilarang termasuk dalam objektif yang digariskan dalam maqasid. Akal manusia hendaklah 'dibebaskan' agar ia dapat meneroka ke dimensi, yang lebih luas and terbuka agar potensi akalnya dapat diperkembangkan secara yang lebih efektif (Hasbollah Mat Saad et al., 2021). Oleh hal yang demikian, penjagaan akal adalah sangat dituntut agar akal sentiasa waras, holistik dan seimbang. Syariat Islam yang menegah pengambilan arak dan dadah yang menjadi punca kerosakkan akal merupakan bukti ketegasan Islam dalam penjagaan akal. Jelaslah bahawa KRT dalam institusi kekeluargaan akan menyebabkan penjagaan akal tidak dapat dilaksanakan. Kesan keganasan akan menyebabkan isteri mengalami trauma dan ketakutan yang melampau. Terdapat isteri berdepan dengan KRT sehingga mengalami gangguan mental yang kronik termasuk kemurungan, ingin membunuh diri, suka bersendirian dan diserang gangguan kebimbangan akibat konflik rumah tangga kesan daripada KRT. Kegagalan isteri mengurus emosi menjadi faktor utama tekanan berpanjangan sehingga memberi kesan kepada keharmonian hubungan suami isteri.

Pegawai Advokasi Kanan - Rusni Tajari berkata, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) kebiasaannya sukar wanita mengetahui mereka berada dalam perhubungan yang mendera terutama jika penderaan itu tidak bersifat fizikal. Katanya lagi, hal ini boleh dikesan melalui soalan sama ada mereka takut atau perlu sangat berhati-hati dengan perkataan dan tindakan apabila bersama pasangan (Berita harian, 2021). Penghargaan diberikan kepada kerajaan kerana usaha yang dilakukan seperti program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita (MATAHARI) dan Literasi Perundangan dan Hak Wanita (IRIS) membantu dalam penjagaan akal selari dengan maqasid syariah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Program MATAHARI ini diilhamkan dengan mengambil kira penemuan yang menunjukkan kepentingan pengurusan isu kesihatan mental wanita dan peningkatan tahap tekanan, termasuk susulan impak pandemik COVID-19 manakala IRIS berfungsi menyampaikan ilmu mengenai hak individu dari aspek perundangan, saluran aduan dan bantuan disediakan kepada mangsa keganasan dan diskriminasi (Berita Harian, 2023). Orang Islam dituntut untuk mencegah segala bentuk penganiayaan terhadap akal sama ada diri sendiri atau orang lain. Oleh yang demikian, pelakuan KRT menyebabkan kesejahteraan rumah tangga tidak terjaga juga berkait rapat dengan maqasid syariah yang mana penjagaan akal tidak dapat dipelihara sebaiknya.

Antara prinsip maqasid syariah yang lain adalah untuk menjaga harta (*hifz mal*). Dalam situasi institusi kekeluargaan yang tidak harmoni akibat daripada KRT, prinsip maqasid syariah penjagaan harta tidak dapat dilaksana. Dari sudut perundangan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (1994) Akta 152 seksyen 2, terdapat lima kategori KRT iaitu mengancam melakukan kecederaan fizikal, melakukan kecederaan fizikal, mendera secara seksual atau selainnya, mengurung dan memusnahkan harta mangsa. KRT sering kali melibatkan kemusnahan harta. Perkara ini boleh didakwa atas seksyen 2(e) iaitu

melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakkan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu. KRT akan memberikan pelbagai implikasi buruk kepada kehidupan mangsa secara keseluruhannya dan kehidupan sosial mangsa akan terganggu dalam tempoh yang panjang.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - Hannah Yeoh berkata, statistik tahun ini menunjukkan panas baran atau kegagalan mengawal marah merekodkan 71 kes membabitkan mangsa wanita, dan 14 lelaki (Berita Harian, 2019). Tindakan merosakkan harta benda merupakan sesuatu yang sangat merugikan. Hal ini berkait rapat dengan pensyariaan Islam yang sangat mementingkan penjagaan harta. Allah telah menetapkan penjagaan harta dari segala sudut seperti pengharaman riba dan rasuah. Antara elemen lain dalam penjagaan harta ialah pengurusan kewangan dalam institusi kekeluargaan iaitu nafkah.

Pengarah Latihan Pembangunan Masyarakat Yayasan Pendidikan Hidayah - Adnan Omar berkata, proses pemulihan daripada fasa pandemik Covid-19 jelas memberikan tekanan kepada sesetengah masyarakat terutama mereka yang mempunyai masalah kewangan yang kemudian dilepaskan kepada ahli keluarga lebih-lebih lagi kepada isteri dalam bentuk keganasan fizikal, emosi dan secara lisan (Harian Metro, 2022). Selain itu, kegagalan dalam memberikan nafkah kepada isteri juga merupakan suatu penganiyaan kepada isteri sekali gus menyebabkan prinsip maqasid syariah tidak dapat dilaksanakan. Syariat Islam sangat mementingkan isu nafkah bahkan walaupun setelah bercerai, nafkah iddah untuk isteri pun diwajibkan. Di sini jelaslah bahawa nafkah merupakan isu yang besar dalam syariat Islam. Jesteru itu, memusnahkan harta benda dan pengabaian terhadap nafkah isteri tidak menepati prinsip maqasid syariah dari segi penjagaan harta.

Analisis Hubungan Maqasid Syariah Dan Hak Asasi Manusia

HAM merupakan hak setiap manusia di dunia yang diamalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Idea penubuhan HAM timbul di Eropah pada abad ke 17 dan 18 sebagai respon keatas feodalisme kaum bangsawan dan kekuasaan raja-raja yang zalim terhadap rakyat dan masyarakat bawahan (Moh. Sholeh, 2018). Sebelum penubuhan HAM yang dikuatkuasa oleh PBB, hak-hak manusia sudahpun digariskan dalam syariat Islam yang menepati maqasid syariah terlebih dahulu. Oleh sebab itu, maqasid syariah mempunyai kaitan dan hubungan yang kuat dengan HAM dari sudut penjagaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

Agama Islam sangat menitikberatkan penjagaan nyawa daripada sebarang bentuk penganiyaan sama ada kepada diri sendiri mahupun orang lain. Memelihara nyawa (*hifz an-nafs*) adalah memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabila. Nyawa adalah hak Allah yang mana manusia hanya memegang amanah untuk menjaganya sebaik-baiknya bagi memastikan pengabdian diri kepada Allah dapat dilaksanakan. Nyawa bukan hak individu seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ﴾

Maksudnya, “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan” (al-Quran. Al-Baqarah: 195).

Hakikatnya, menurut Islam memelihara kesejahteraan hidup atau dengan kata lain memelihara jiwa dan nyawa bukan suatu perkara yang kecil malah memerlukan satu penelitian yang besar kerana kesan daripada pengabaian nyawa dan jiwa boleh mengundang kepada kemudaratan (Hasri & Hasliza, 2021). Prinsip maqasid syariah dalam penjagaan nyawa adalah selari dengan HAM yang digariskan oleh PBB dalam Perkara 3. Antara hak yang ditegakkan dalam Perkara 3 ialah penetapan bahawa setiap orang adalah

berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri. Jika hak manusia ke atas dirinya ini tidak diiktiraf, maka manusia di muka bumi ini akan sewenang-wenangnya menghilangkan nyawa orang lain dan saling berbunuhan antara satu sama lain. Atas sebab itu jugalah, Allah mengharamkan membunuh diri sendiri apatah lagi orang lain. Hukuman membunuh telah ditetapkan dalam al-Quran menunjukkan bahawa menjaga nyawa sangat dititikberatkan.

Prinsip maqasid syariah yang seterusnya ialah penjagaan agama. Syariat Islam yang mengutamakan kepentingan beragama telah ditegaskan dalam nas Al-Quran. Konsep *daruriyyah al-khams* digunakan bagi memastikan matlamat penjagaan agama dapat tercapai. Dalam konteks Malaysia, memelihara agama bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, yang termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan secara man dan harmoni sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (JAKIM). Dengan mengaitkan dalam aspek agama, ianya yang sangat rapat dengan sudut rohaniah bermula daripada dalaman jiwa seseorang itu. Firman Allah:

﴿ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْثًا بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَكْفُرُ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberi Kitab kecuali setelah mereka memperoleh ilmu, karena kedengkian di antara mereka. Barangsiapa ingkar terhadap ayat-ayat Allah, maka sungguh, Allah sangat cepat perhitungannya.*” (al-Quran. Ali Imran: 19).

Perkara 18 dalam HAM juga mengiktiraf kepentingan kehidupan beragama untuk setiap manusia. Oleh sebab itu, Perkara 18 berkait rapat dengan prinsip maqasid syariah menjaga agama dalam hak-hak manusia iaitu setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan hati dan ugama; hak ini termasuklah kebebasan menukar ugama atau kepercayaannya, dan kebebasan, samada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendirian, menganuti ugama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Selain itu juga, menjaga keturunan merupakan salah satu prinsip maqasid syariah yang membawa maksud menjaga kelangsungan keluarga melalui kaedah-kaedah yang telah digariskan dalam syariat Islam. Pensyariaan Islam yang menggalakan perkahwinan merupakan bukti bahawa agama Islam sangat menjaga keturunan umatnya. Konsep memelihara keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga system sosial dalam masyarakat (JAKIM). Menurut Mat Saad (1993), perkahwinan adalah satu ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak. Firman Allah:

﴿ وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya, “*Dan kahwinkanlah orang-orang yang sendirian di antara kamu, dan orang-orang yang layak (berkahwin) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha luas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui.*” (al-Quran. An-Nur: 32).

Ayat ini jelas menunjukkan Islam menggalakan umatnya untuk berkahwin dan faktor kemiskinan tidak menjadi halangan untuk melaksanakan syariat ini. Hal ini adalah sejajar

dengan HAM oleh PBB dalam Perkara 16(1) menyatakan bahawa lelaki dan perempuan dewasa, tanpa mengira bangsa, kewarganegaraan atau ugama, berhak berkahwin dan menubuhkan keluarga. Mereka adalah berhak kepada hak-hak samarata berhubung dengan perkahwinan, dalam tempoh masa perkahwinan dan pada pembubarannya. Perkara 16(2) Perkahwinan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan bebas dan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang bercadang untuk berkahwin. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa HAM juga memenuhi prinsip maqasid syariah dalam prinsip penjagaan keturunan. Hal ini juga membuktikan bahawa syariat Islam adalah terpakai sepanjang zaman kerana perbahasan mengenai perkara ini sudah lama wujud dalam syariat agama.

Islam amat menekankan tentang bagaimana manusia harus menggunakan akal dalam meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini (Hasbollah et al., 2021). Pemeliharaan akal adalah sangat penting agar sentiasa waras, sihat dan sempurna. Menuntut ilmu juga merupakan salah satu jalan untuk menjaga akal. Allah merupakan pemilik segala ilmu dari segenap aspek. Allah telah mensyariatkan umat Islam untuk menuntut ilmu pengetahuan dengan tidak membataskan kepada ilmu al-Quran dan al-Sunnah sahaja. Umat Islam bebas untuk menuntut segala ilmu yang ada di dunia ini asalkan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Memiliki ilmu adalah suatu kemuliaan bagi seseorang individu. orang yang berilmu tinggi darjatnya di sisi Allah SWT. Allah SWT telah berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَانشُرُوا فَانشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴾

Maksudnya, *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”* (al-Quran. Al Mujadalah: 11).

Ayat di atas jelas menunjukkan kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan. Akal yang dilestarikan dengan ilmu pengetahuan akan mendorong manusia bijak membuat keputusan dalam kehidupan. Kemaslahatan akan tercapai dan perbuatan yang mendatangkan kerosakkan dapat dielakkan. Prinsip memelihara akal mempunyai hubungan dengan HAM dalam Perkara 26(1) iaitu setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang samarata kepada semua orang atas dasar kebolehan.

Seterusnya Perkara 26(2), pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, ianya hendaklah memupuk persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan ugama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan. Dari sudut pandang PBB, pendidikan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk memajukan sesebuah sistem masyarakat dan negara. Islam turut menekankan pendidikan dalam setiap individu kerana ianya merupakan elemen terpenting dalam membangunkan modal insan. Secara umumnya, pemikiran yang kreatif dan berdaya saing adalah kunci utama kepada pembentukan sebuah negara yang mantap. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa HAM oleh PBB mempunyai kaitan dengan prinsip-prinsip maqasid syariah.

Melalui maqasid syariah, penjagaan harta dalam kehidupan sangat diambil berat. Menurut JAKIM, memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah

termasuk larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak dan sebagainya. Pengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan adalah bukti bagaimana syariat Islam menjaga umatnya. Walaubagaimanapun, kemusnahan harta seringkali dikaitkan dengan perbuatan tidak bertanggungjawab individu. Allah SWT berfirman:

﴿ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya, “Telah timbul berbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” (al-Quran. Al-Ruum: 41).

Melalui ayat diatas, Allah telah memberikan peringatan kepada manusia atas apa yang dilakukan oleh tangan mereka sendiri sehingga melakukan kerosakkan. Jika setiap manusia di muka bumi mempunyai nilai-nilai kasih sayang terhadap harta benda, maka setiap istitusi keluarga mahupun masyarakat boleh hidup aman dan damai. Sebungan dengan itu, Perkara 17(1) dalam HAM menyatakan bahawa setiap orang berhak memiliki harta secara bersendirian serta secara berkongsi dengan orang lain dan 17(2) Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan harta-bendanya secara sewenang-wenangnya. Hal ini adalah bertepatan dengan prinsip maqasid syariah yang menuntut umat Islam untuk umat Islam menjaga harta. Oleh itu, hak-hak yang terdapat dalam HAM terutamanya yang melibatkan harta sangat berkait rapat dengan prinsip penjagaan harta dalam maqasid syariah.

PENUTUP

Islam adalah agama yang syumul meliputi seluruh aspek kehidupan dan bukan sekadar agama yang hanya fokus kepada amalan ibadat semata-mata. Syariat Islam sudah cukup sempurna mencakupi semua aturan yang terbaik untuk kehidupan manusia. Di dalam al-Quran, Allah telah memperingatkan manusia untuk memelihara sesebuah keluarga yang terbina agar harmoni dan sejahtera. Firman Allah swt:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا﴾

Maksudnya, “Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu” (al-Quran. al-Nisa: 1).

Kunci kepada wujudnya sebuah institusi kekeluargaan yang sejahtera ialah pasangan suami dan isteri yang mengikut prinsip maqasid syariah. Sifat semulajadi manusia yang mempunyai emosi yang tidak menentu seringkali menyebabkan seseorang bertindak ganas. Oleh sebab itu, akal mestilah digunakan sebaiknya agar kesejahteraan keluarga dapat dicapai. Menurut Fatwa Kebangsaan (2020), hukum nusyuz tidak tertakluk kepada isteri sahaja, malah ia juga berlaku kepada seorang suami. Ini seperti apabila seseorang suami itu tidak memberi hak dan tanggungjawab kepada isterinya dari segi zahir dan batin seperti tidak memberi nafkah serta melakukan kezaliman. Firman Allah SWT:

﴿وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya, “Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu,

sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)." (al-Quran. al-Nisa': 19).

Allah telah menurunkan ayat untuk memberi amaran terhadap perbuatan suami yang menzalimi isteri. Tindakan yang boleh seorang isteri ialah dengan menasihati. Sekiranya tidak berubah, Islam membolehkan isteri untuk mengadu perihal ini kepada pejabat agama atau hakim untuk didamaikan atau diceraikan. Kelemahan dalam institusi kekeluargaan akan memberi impak buruk terhadap sistem kekeluargaan dan sistem sosial kemasyarakatan seterusnya akan menghalang negara dari mencapai kemajuan. KRT ini bukanlah sesuatu yang baru melanda dalam kehidupan bahkan ia ada sejak zaman arab jahiliyyah lagi. Hal ini sudah menjadi kudis yang jika dibiarkan maka negara tidak akan dapat mencapai kemajuan. Hal ini kerana, Allah telah mendatangkan panduan dan langkah membentuk keluarga yang sempurna. Kesemua panduan tersebut bertujuan untuk memelihara kemaslahatan umat dalam sudut agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

Sebenarnya, pelbagai pendekatan yang boleh digunakan sebagai usaha untuk membentuk kesejahteraan dalam keluarga antaranya ialah pendekatan kerohanian melalui pelaksanaan prinsip maqasid syariah. Memiliki keluarga yang sejahtera dengan tidak melakukan keganasan rumah tangga merupakan satu pematuhan kepada prinsip maqasid syariah seperti penjagaan nyawa, agama, akal, keturunan dan harta membawa kepada terbentuknya keharmonian dalam kehidupan. PBB mengakui bahawa KRT adalah masalah awam yang sangat besar dan merupakan pencabulan terhadap hak asasi kemanusiaan terhadap anggota pertubuhannya. Hubungan antara prinsip maqasid syariah dengan menjaga kesejahteraan institusi kekeluargaan serta HAM amat signifikan. Penulis berharap agar kajian ini dapat membantu untuk memberi kefahaman tentang konsep maqasid syariah yang boleh diterapkan dalam segala aspek kehidupan. Kepincangan sistem kekeluargaan Islam yang berlaku di Malaysia dewasa ini bukan berpunca daripada kelemahan syariat Islam sebaliknya ia berpunca daripada kesilapan yang ada pada diri individu umat Islam itu sendiri. Oleh sebab itu, kerjasama yang jitu antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan yang sangat penting untuk menghalang perkara ini terus berlaku.

RUJUKAN

Akta

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Buku

'Alal al-Fasi. (2013). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.

al-Raisuni, Ahmad. (1995). *Nazariyyat Al-Maqasid 'Inda Al-Imam Al-Shatibi*. Riyad: Al-Dar Al-Alamiah Li Al-Kitab Al-Islami.

al-Zuhaili, Wahbah. (1996). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Ibn 'Asyur. (2014). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar Al-Salam.

Lembaga Pembangunan Penduduk Dan Keluarga Negara (LPPKN). (2019). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Kuala Lumpur.

Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.

Natasha Dandavati. (2017). *Perspektif Mengenai Keganasan Rumah Tangga*. Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).

Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon.

Disertasi

Nurul Hasna', H. (2017). Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga: Kajian Di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia. Master Dissertation (Islamic Studies): Universiti Utara Malaysia.

Jurnal

- Ahmad Hariri, M. S. & Raihanah, A. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif. *Jurnal Syariah*, 29(3), 481-508.
- Ahmad, M. H., Amin, M. H., & Muhammad Yosef, N. (2022). Masalah Keganasan Rumah Tangga Dan Penyelesaiannya Dalam Pandangan Maqasid syariah. *South East Asia Journal Of Contemporary Business, Economics And Law*, 26(1), 88-98.
- Ahmad, M. H., Zaini, N. & Mohd Izhar Ariff, M. K. (2015). Problem of Domestic Violence and Its Solutions in the Light of Maqasid Shariah. *Asian Social Science*, 11(22), 33-42.
- Awang Nib Zuhairi, A. A. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *Azka International Journal Of Zakat & Social Finance*, 1(2), 163-185.
- Hanani, A., & Rohani, R. (2015). Kekerasan Rumahtangga Terhadap Wanita: Kajian Perbandingan Sosio-Perundangan Di Malaysia Dan Indonesia. *Al Adl: Jurnal Hukum*, 7(14), 117-142.
- Hasbollah, M. S., & Ramalinggam, R. (2021). Maqasid Memelihara Akal (Hifz al-'Aql) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43 (special issue), 93-104.
- Hasri, H. & Hasliza, M. A. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *Journal Research In Islamic Studies: Universiti Malaya*, 8(2), 57-66.
- Moh. Sholeh. (2018). HAM Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran Islam*, 2(4), 111-124.
- Muhammad Nur, A., Yunidar & Fadhli, B. (2018). Analisis Tindakan Keganasan Suami Terhadap Isteri Dalam Rumah Tangga Di Bandar Palu. *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 2(2), 209-216.
- Nadiah, M. D. (2021). Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *Journal Of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.
- Najla Farahanim, Z. & Iknor Azli, I. (2023). Pemerksaan Jati Diri Wanita Dan Hak Mereka Menurut Barat Dan Islam. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (JISED)*, 8(52), 28-47.
- Victor, I., Nasir, M., Liyana Hazwani, M. A., Wan Hanis Aisyah, W. R., Nor Suliana, M., Nurul Farah Aina, M. F., & Nur Husna, Z. (2019) Hubungan antara penagihan dadah dengan keganasan rumah tangga. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 25(2), 7-13.
- Wan Mohd Yusof, W. C., Abdul Wahab, M. A., Ahmad Jazlan, J., & Abdullah Alqari, M. Z. (2018). Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa'Adah. *Asian People Journal*, 1(2), 92-108.
- Wan Nor Adibah, W. A., Adawiyah, I., & Ahmad Irdha, M. (2021). Perspektif Maqasid syariah Dalam Memelihara Institusi Keluarga. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari: Universiti Sultan Zainal Abidin*, 22(3), 17-28.
- Zaharah, H., Ahmad Arifin, S., Saedah, S., Mohd Ridhuan, M. J., Abdul Musith, A., & Nurulrabihah, M. N. (2017). Hidup Berkeluarga Melalui Pendidikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah: UKM Journal Article Repository*, 9(2), 16-31.

Laman Sesawang

- Derita Isteri Didera Suami. (2023). Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/248619/berita/nasional/derita-isteri-didera-suami> (diakses pada 2 Mei 2023).
- Isteri Hamil, Koma Dipukul Suami Bersalin 1 Disember Secara Pembedahan. (2021). Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/11/isteri-hamil-koma-dipukul-suami-bersalin-1-disember-secara-pembedahan> (diakses pada 2 Mei 2023).
- Isteri Maut Dipukul Suami Dengan Tukul Besi. (2023). Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/isteri-maut-dipukul-suami-dengan-tukul-besi>. (diakses pada 2 Mei 2023).
- Kisah Duka Dan Derita Isteri Di Sebalik Tabir PKP. (2020). Bernama. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1843404> (diakses pada 2 Mei 2023)
- NGO Perlu Bantu Sebar Maklumat Isu Keganasan Rumah Tangga. (2023). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1059098/ngo-perlu-bantu-sebar-maklumat-isu-keganasan-rumah-tangga> (diakses pada 2 Mei 2023)
- Panas Baran Punca Utama Keganasan Rumah Tangga. (2019). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/630775/panas-baran-punca-utama-keganasan-rumah-tangga> (diakses pada 2 Mei 2023)
- Sebab Tak Berani Dan Malu Isteri Pendam Kes Didera Suami. (2022). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2022/11/1032892/sebab-tak-berani-dan-malu-isteri-pendam-kes-didera-suami> (diakses pada 2 Mei 2023)
- Tanda Amaran Kenal Pasti Keganasan Rumah Tangga. (2021). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2021/09/858477/tanda-amaran-kenal-pasti-keganasan-rumah-tangga>. (diakses pada 2 Mei 2023)
- Tekanan Kewangan Antara Punca Keganasan Rumah Tangga. (2022). Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/05/840129/tekanan-kewangan-antara-punca-keganasan-rumah-tangga>. (diakses pada 2 Mei 2023)

Persidangan

- Hasri, H., & Hasliza, M. A. (2021). *Konsep Hifz An-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Shariah Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19*. International Conference On Syariah & Law, Online Conference, 6 April 2021.
- Mohamad Nawawy, J. & Fatmawati, L. (2018). *Kesejahteraan keluarga dan pola komunikasi dalam keluarga*. Kertas Kerja National Conference for Postgraduate Research, 28-29 August, Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang, 347-353.
- Wan Mohd Yusof, W. C., Ahmad Jazlan, J., & Abdul Wahab, M. A. (2018). *Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6*. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad (Ed.) Kertas Kerja Persidangan Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin. September 2018.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.